

MEMO

**Kepada:** Karyawan / Pembekal / Pelanggan bagi Syarikat Kumpulan Karang kraf  
**Daripada:** Pejabat Pengarah  
**Tarikh:** 20 Disember 2024  
**Perkara:** Pengumuman: Pengenalan E-Invois oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) dan Maklumat Mandatori Khusus diperlukan bagi Kepatuhan E-Invois

**Latarbelakang:**

Mulai 1 Ogos 2024 bagi peringkat pertama, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) telah memulakan e-Invois secara berperingkat. E-Invois membolehkan perniagaan menyerahkan invoice secara elektronik kepada LHDN, menyokong usaha kerajaan meningkatkan digital infrastruktur dan memodenkan pentadbiran cukai. Sistem baharu ini terpakai kepada semua pembayar cukai yang terlibat dalam aktiviti komersial dalam Malaysia, termasuk mereka yang terlibat dalam pembekalan barangan dan perkhidmatan.

**Tarikh pelaksanaan bagi Kumpulan Syarikat Karang kraf:**

**1 Januari 2025:** Sinar Karang kraf Sdn Bhd (SKSB), Grup Buku Sdn Bhd (GBK) dan Ultimate Print Sdn Bhd (UPSB).  
**1 Julai 2025:** Syarikat lain-lain termasuk semua pembayar cukai terlibat di Malaysia.

**Maklumat Mandatori diperlukan daripada i) Pelanggan (menjana e-invois bagi bukti pendapatan) dan ii) Pembekal (menjana bil sendiri bagi bukti perbelanjaan untuk transaksi tertentu sahaja):**

Proses e-invois dan bil sendiri memerlukan maklumat mandatori khusus daripada pelanggan dan pembekal (senarai berdasarkan poin 8.3 panduan spesifik) bagi memastikan maklumat mandatori khusus adalah lengkap bagi tujuan persediaan e-Invois berdasarkan panduan dan Frequent Asked Questions dari pihak LHDNM. Data ini tidak kesemuanya berada di dalam database seperti: Individual Identification (IC) / Passport Number, Tax Identification Number (TIN), Sales and Services Tax (SST), Malaysian Standard Industrial Classification (MSIC) Code, IRBM Classification Code, dan maklumat lain.

**Penalti untuk Ketidakpatuhan terhadap Peraturan e-Invois :** Bagi Syarikat yang tertakluk kepada penajaan e-invois, kegagalan untuk mengeluarkan e-Invois adalah satu kesalahan di bawah Perenggan 120(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967, yang mana sekiranya didapati bersalah, boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM200 dan tidak lebih daripada RM20,000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya, bagi setiap ketidakpatuhan.

Kerjasama dari setiap pihak amatlah kami hargai bagi menjayakan e-invois ini.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

Yang menjalankan tugas  
b/p KUMPULAN KARANGKRAF



**AKMAL EIRFAN BIN MOHAMED FAUZI**  
**PENGARAH EKSEKUTIF KUMPULAN**  
**(KORPORAT, KEWANGAN DAN PENGURUSAN RISIKO)**

